



KETUA PENDAFTAR
INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA
REGISTRAR GENERAL
PRIVATE HIGHER EDUCATION INSTITUTIONS
Jabatan Pendidikan Tinggi
Departement Of Higher Education
Aras 9, No.2, Menara 2,
Jalan P5/6, Presint 5
62200 Putrajaya
Malaysia

Tel : 603-8870 6381
Faks (Fax) : 603-8870 6840

Ruj. Kami : JPT/GS 1000-617Jld. 1(~~37~~)

Tarikh : 23 Februari 2016

Semua Ketua Eksekutif Institusi Pendidikan Tinggi Swasta

YBhg. Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Prof./Dr.,

PEMAKLUMAN KEPUTUSAN MESYUARAT KAJIAN SEMULA DASAR-DASAR BERKAITAN JAMINAN KUALITI KPT-MQA BIL. 3/2015:

- PEMANSUHAN KUOTA PENGAMBILAN PELAJAR MELALUI ACCREDITATION OF PRIOR EXPERIENTIAL LEARNING (APEL)

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat jabatan ini JPT/GS1000-606 Jld. 1(29) bertarikh 22 Julai 2013 adalah berkaitan.

2. Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu (*Accreditation Of Prior Experiential Learning*, APEL) telah diperkenalkan bagi menyokong aspirasi kerajaan dalam meluaskan akses pendidikan melalui pembelajaran sepanjang hayat. Pada masa ini, pengambilan pelajar ke IPTS konvensional melalui laluan APEL adalah tertakluk kepada had kuota lima peratus (5%) daripada jumlah pelajar di institusi tersebut dalam sesuatu masa.

3. Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPT-MQA Bil. 3/2015 telah menyemak semula perkara ini dan memutuskan bahawa **kuota lima peratus (5%) pengambilan pelajar**

dimansuhkan. Melalui keputusan ini, semua IPTS dibenarkan mengambil pelajar melalui laluan APEL berdasarkan kapasiti institusi masing-masing. Walau bagaimanapun, syarat-syarat lain kemasukan pelajar menggunakan laluan APEL adalah kekal seperti yang dinyatakan di dalam surat JPT/GS1000-606 Jld. 1(29) bertarikh 22 Julai 2013 tersebut yang telah diedarkan sebelum ini.

4. Keputusan di atas **berkuat kuasa bermula daripada tarikh surat ini.** Sehubungan itu, pihak YBhg. Dato'/Datuk/Prof./Dr./Tuan/Puan adalah dipohon untuk mengambil perhatian yang sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' PROF. DR. ASMA BINTI ISMAIL)

Ketua Pendaftar

Institusi Pendidikan Tinggi Swasta

Kementerian Pendidikan Tinggi

s.k.

Ketua Pegawai Eksekutif
Agensi Kelayakan Malaysia
Menara PKNS-PJ
17, Jalan Yong Shook Lin
46050 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (IPTS)
Jabatan Pendidikan Tinggi

Pengarah
Bahagian Governan IPTS
Jabatan Pendidikan Tinggi

Pengarah
Bahagian Pendaftaran dan Piawaian
Jabatan Pendidikan Tinggi

Pengarah
Bahagian Penguatkuasaan dan Inspektorat
Jabatan Pendidikan Tinggi